
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JPP 411 – SEMINAR ISU-ISU PENDIDIKAN SEMASA

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Jawab SOALAN NO. 1, dari Bahagian A dan DUA soalan dari Bahagian B.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Soalan 1 diperuntukan 40 markah, dan setiap soalan lain diperuntukan 30 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

BAHAGIAN A**SOALAN WAJIB**

1. Isu perpaduan merupakan cabaran penting dalam pembentukan dan perkembangan sistem pendidikan di Malaysia.

Bincangkan bagaimanakah **DUA** Dasar Pendidikan Negara yang dibentuk dalam sistem pendidikan kebangsaan telah berjaya menangani isu perpaduan?

(40 markah)

BAHAGIAN B**Jawab DUA (2) soalan.**

2. Pelaksanaan Program Mata Pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang bermula pada tahun 2003 hingga kini menjadi isu di kalangan rakyat negara ini. Dari perspektif guru yang menjadi fokus kepada pelaksanaannya, huraikan masalah dan isu sebenar pelaksanaan PPSMI.

(30 markah)

3. Bincangkan **DUA** masalah yang menjadi isu utama penggunaan *Information and Communication Technology* (ICT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bagaimanakah caranya guru boleh mengatasi masalah yang anda nyatakan itu?

(30 markah)

4. Apakah sistem meritokrasi dan nyatakan isu-isu yang timbul hasil daripada pelaksanaannya? Cadangkan bagaimana sistem ini boleh dilaksanakan dengan jayanya di Malaysia.

(30 markah)